

26 Februari 2018

KENYATAAN MEDIA

oleh Dato' Ir. Jaseni Maidinsa,
Ketua Pegawai Eksekutif,
PBA Holdings Bhd (PBAHB) dan
Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP)

PROJEK NAIK TARAF JALAN JKR: GANGGUAN BEKALAN AIR BERJADUAL 12-JAM DARI BATU MAUNG SEHINGGA PERMATANG TEPI LAUT PADA 3/3/2018.

- **Masa/Tarikh: 9.00 pagi – 9.00 malam pada SABTU, 3/3/2018.**
- **Melibatkan: 40,000 orang.**
- **Sebab: Lencongan saluran paip air 600mm sedia ada untuk Membolehkan “Projek Naik Taraf Jalan JKR P10 dari Batu Maung ke Jalan Sultan Azlan Shah”.**

PULAU PINANG, Isnin (26/2/2018): Saluran paip bekalan air 600mm MS (keluli lembut) sedia ada akan dialihkan dari tapak pelebaran jalan raya JKR di Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu (di hadapan pejabat Nippon Express Sdn Bhd) Sabtu ini.

Pelencongan paip air ini diperlukan untuk membolehkan “Projek Menaiktaraf Jalan JKR P10 dari Batu Maung ke Jalan Sultan Azlan Shah”.

Untuk membolehkan kerja lencongan, Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP) terpaksa “menghenti tugas” saluran paip 600mm untuk sementara waktu.

Henti tugas saluran paip akan menyebabkan gangguan bekalan air berjadual 12 jam yang akan menjejaskan kira-kira 40,000 pengguna air di Batu Maung, Permatang Damar Laut dan Permatang Tepi Laut.

Oleh itu, pengguna air domestik dan perniagaan di kawasan berikut dinasihatkan untuk menyimpan air mencukupi untuk kegunaan dari jam 9.00 pagi hingga 9.00 malam pada hari Sabtu, 3/3/2018:

1	Solok Bayan Lepas	14	Jalan Permatang Damar Laut
2	Jalan Batu Maung	15	Solok Batu Maung
3	Akuarium Batu Maung	16	Jalan Kekabu
4	Restoran Pen Mutiara	17	Rumah Murah Fasa 1 & 2 Permatang Damar Laut
5	Pelabuhan LKIM Batu Maung	18	Kampung Permatang Tepi Laut
6	Taman Desa Batu Maung	19	Taman Seri Bayan
7	Kampung Batu Maung	20	Kawasan Perindustrian Diamond Valley
8	Taman Sunway Mutiara	21	Taman Sri Mewah
9	Taman Bidara	22	Taman Iping
10	Taman Sunway Tunas Jaya	23	Lebuh Batu Maung 1
11	Taman Sunway Cassia	24	Lebuhraya Batu Maung
12	Taman Desa Wangsa	25	National Instrument (M) Sdn Bhd
13	Kampung Permatang Damar Laut	26	Kompleks Kargo MAS Batu Maung

Sila rujuk peta pada 'Lampiran A' yang menunjukkan semua kawasan yang terjejas:

Bagaimanapun, bekalan air ke Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang dan kawasan Zon Perdagangan Bebas Bayan Lepas tidak akan terjejas.

PBAPP memohon maaf di atas segala kesulitan yang berlaku. Harap maklum bahawa kerja pelencongan paip ini perlu untuk membolehkan projek JKR yang sedang dilaksanakan. Saluran paip bekalan air PBAPP mesti dilencongan dengan selamat untuk mengelak kejadian tidak diingini dan memastikan bekalan air yang baik dan berterusan.

Terima kasih.

Dato' Ir. Jaseni Maidinsa,
Ketua Pegawai Eksekutif,
PBA Holdings Bhd (PBAHB) dan
Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP)

Dikeluarkan oleh : Puan Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah
Unit Komunikasi Korporat
Tel : 04-200 6607 Email : syarifah@pba.com.my



PBA

Perbadanan Bekalan Air
Pulau Pinang Sdn Bhd
(475961-X)

Memenuhi segala keperluan bekalan air anda

Meeting all your water supply needs

LAMPIRAN A

